

# Pendakwaan ibu bapa cuai elak masalah sosial lebih besar

Berita Harian

15/06/2010 MS 27

Oleh Jami'ah Shukri

jamia@bharian.com.my

**T**IDAK diketahui sejauh mana impak tindakan mendakwa seorang ibu di Mahkamah Majistret di ibu negara Khamis lalu, terhadap masyarakat umum atas dakwaan mengabaikan kebajikan dan membiarkan dua anak lelakinya menjadi pengemis Mei lalu.

Namun kes Zalina Ali, 44, yang menghadapi dua tuduhan, akan disebut semula 12 Julai ini. Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa mengabaikan anaknya berumur lapan dan sembilan tahun yang mungkin menyebabkan mereka mengalami gangguan emosi. Bagi pertuduhan kedua, Zalina yang juga seorang pengemis, didakwa membiarkan kedua-dua anaknya itu untuk mengemis dan menerima sedekah daripada orang awam. Dia didakwa melakukan kesalahan itu di jejantas stesen LRT Titiwangsa di ibu negara pada 6 petang 13 Mei lalu.

Tuduhan pertama terhadapnya ialah mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda sehingga RM20,000 atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya, manakala pertuduhan kedua, mengikut Seksyen 32 (a) akta sama, yang membawa hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya.

Kanak-kanak terbabit hilang jam 6 petang, 12 Mei lalu dan diselamatkan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Stesen LRT Titiwangsa, kira-kira 24 jam kemudian. Mengikut kesalahan itu, ibu bapa yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000.



“

*Anak adalah tanggungjawab utama ibu bapa walaupun sesibuk mana pun mencari nafkah, mereka perlu prihatin kebajikan anak termasuk menentukan mereka berada dalam keadaan selamat”*

**Zaleha Ismail**

Yang Dipertua Majlis Kanak-Kanak Malaysia (MKKM)

Bagi Pengeraja atau tahanan di Pusat Pemasyarakatan Remaja, 6000.

Bagi Pengeraja di Jabatan Psikologi Pendidikan Pendidikan dan Kaunseling, Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Mariani Md Nor, masyarakat tidak seharusnya cepat mengkritik sekiranya ada ibu bapa atau penjaga dikenakan tindakan mahkamah atas kealpaan menjaga keselamatan anak, sebaliknya dianggap hukuman setimpal.

Hukuman itu adalah perkara baru dan agak susah untuk diterima masyarakat, namun lamakelamaan ia menjadi perkara biasa.

“Apa yang perlu siasatan menyeluruh dengan bukti kukuh perlu ada sebelum mengheret ibu bapa cuai. Isu kelalaian ibu bapa ini bukan perkara kecil kerana ia boleh menyebabkan rentetan kepada masalah sosial yang lebih besar.

“Kita khuatir, anak yang hilang itu mungkin terbabit dalam kemalangan tidak diduga seperti dijadikan tebusan, dirogol, peminta sedekah atau mangsa pemerdagangan manusia,” katanya. Oleh itu, ibu bapa tidak boleh memberi alasan lagi dan menjadikan mereka berfikir dua kali untuk meninggalkan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.

Yang Dipertua Majlis Kanak-Kanak Malaysia (MKKM), Tan Sri Zaleha Ismail menyokoing penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001 bagi membolehkan tindakan atau hukuman dikenakan ke atas ibu bapa yang mengabaikan kebajikan anak termasuk menyebabkan kehilangan mereka.

“Ini sebagai pengajaran kepada ibu bapa lain. Anak adalah tanggungjawab utama ibu bapa walaupun sesibuk mana pun mencari nafkah, mereka perlu prihatin kebajikan anak termasuk menentukan mereka berada dalam keadaan selamat.

“Kes ibu bapa meninggalkan anak kerana sibuk mencari pekerjaan tidak seharusnya berlaku. Apa yang dikhuatiri tanpa pengawasan, anak akan menghadapi pelbagai risiko negatif di luar. Lebih malang jika ada orang jahat mengambil kesempatan menulik bagi tujuan tertentu,” katanya.

Di negara maju pendakwaan di mahkamah ibu bapa yang cuai terhadap penjagaan anaknya sudah lama dipraktikkan. Pendakwaan ibu bapa cuai pernah dibangkitkan oleh pelbagai pihak sebelum ini, namun ia lenyap dan isu ini kembali diperbincangkan apabila ada laporan mengenai kes kehilangan kanak-kanak.

Selbelum ini, akhbar pernah melaporkan kehilangan Muhammad Nazrin Shamsul Ghazali

atau Yin, 5, ketika ibu bapanya sibuk membeli-belah di Kompleks Sogo, pada 2007 lalu. Yin ditemui 15 hari kemudian dan dipelihara oleh pasangan Myanmar. Nasib baik pasangan Myanmar yang menemui Yin ketika menyeberangi jalan berhampiran kompleks beli-belah itu, tidak mengambil kesempatan terhadap kanak-kanak terbabit seperti dipaksa menjadi peminta sedekah.

Jika diimbaz kelalaian, pengabaian dan penderaan terhadap kanak-kanak di negara ini, ia bukanlah isu remeh. Isu kanak-kanak sama ada yang hilang, diculik, dirogol atau diperdagangkan juga semakin membimbangkan dan bukan lagi dianggap kejadian bermusim.

Kehilangan Sharlinie Mohd Nashar, 7, sejak 21 Februari 2008 lalu masih menjadi tanda tanya dan belum ditemui selepas dilaporkan hilang ketika bermain di taman permainan berhampiran rumahnya, di Taman Medan, Petaling Jaya.

Mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semua ibu bapa dipertanggungjawabkan untuk mengawasi, melindungi kebajikan dan keselamatan sehingga anak mereka berusia 18 tahun Penjaga dan ibu bapa juga bukan saja sewajarnya memantau pergerakan anak, malah perlu mengetahui apakah aktiviti dilakukan.

Lantaran terlalu banyak isu membabitkan kanak-kanak dan remaja seperti hilang daripada pengawasan, diculik, rogol dan sebagainya, tetapi mereka perlu memperuntukkan kualiti masa yang mencukupi bagi mengelak perkara buruk berlaku.

Zaleha berkata, MKKM akan mengadakan seminar berkaitan kanak-kanak dan remaja bagi mengupas pelbagai isu berkaitan termasuk pengabaian dan penderaan, tidak lama lagi.

Diamati senario dunia, kes pengabaian kebajikan dan penderaan kanak-kanak turut diberi perhatian. Statistik di Amerika Syarikat, contohnya menunjukkan lebih tiga juta kanak-kanak dilaporkan diabaikan setiap tahun dengan purata lima kanak-kanak mati setiap hari berikutan pengabaian terhadap kanak-kanak yang kebanyakannya berusia empat tahun ke bawah.

Setiap 10 saat seorang kanak-kanak dilaporkan didera. Ia termasuk lebih 61 peratus daripada 771,300 kanak-kanak menjadi mangsa kecuaihan ibu bapa seperti pengabaian menyediakan pendidikan (360,500), psikologi (295,300) dan emosi (193,400).